# PELAJAR BERTANGAN EMAS

Fazurawati Che Lah
fazurawati@hmetro.com.my

## PolySkills platform cungkil bakat penuntut politeknik pamer kemahiran bidang teknikal

...i melahirkan graduan ...g berkemahiran ...cemerlang seiring ...endak pasaran industri, ...andingan PolySkills ...ra platform yang ...cungkil bakat penuntut ...teknik di negara ini ke ...ngkat antarabangsa.

...PolySkills 2018 itu ...lakan selama tiga hari di ...teknik Sultan Salahuddin ...ul Aziz Shah (PSA), Shah ...m, Selangor, baru-baru ...

...Pertandingan itu ...nyaksikan Aiman ...arom dari Politeknik ...ku Omar, Ipoh, Perak ...menangi Anugerah Tangan ...as bagi rekaan pendingin ...a.

...Sementara Anugerah ...Emas pula dimenangi ...erta Politeknik Kuching, ...awak iaitu Norazah Bujang ...i bidang perakaunan ...Anugerah Minda Emas ...rima Ainul Mahfuzah ...man dari Politeknik Nilai, ...eri Sembilan melalui ...aan gubahan bunga.

...Ketua Pengarah, Jabatan ...didikan Politeknik dan ...ej Komuniti (JPPKK), Prof ...uk Dr Mohd Ismail Abd ...z berkata, penganjuran ...ySkills 2018 adalah inisiatif ...baik bagi memperkasa ...ang pendidikan teknik dan ...asional.

...Katanya, pertandingan ...uga berupaya mempromosikan bidang kemahiran, sekali gus mengubah pemikiran masyarakat terhadap bidang teknikal dan vokasional yang sering dianggap sebagai sektor pendidikan kelas kedua.

"Pertandingan ini juga adalah landasan yang memberi peluang kepada penuntut untuk mempamerkan kemahiran dan kebolehan mereka khususnya dalam bidang teknikal," katanya pada majlis Penutup Anugerah PolySkills 2018. Turut hadir Pengarah PSA, Dr Mohd Zahari Ismail.

Katanya, kemahiran tenaga kerja negara berupaya memacu operasi industri dan perniagaan seterusnya menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Usaha memantapkan pembangunan modal insan terbaik di bidang teknikal dan vokasional adalah untuk menyokong pembangunan industri serta penguasaan teknologi.

"Ia seterusnya mengurangkan kebergantungan terhadap teknologi dan kemahiran dari negara luar. Ia adalah usaha berterusan dari semua pihak berkepentingan," katanya.

PolySkills 2018 kali ini menyaksikan 26 bidang kemahiran dipertandingkan dengan pembabitan 432 penuntut politeknik di negara ini.

Bidang kemahiran berkenaan ialah gubahan bunga, mekatronik, pastri, perkhidmatan restoran, rangkaian pengurusan teknologi maklumat, teknologi fesyen, rekaan grafik dan pembuatan kabinet.

PolySkills adalah inisiatif JPPKK yang bukan hanya menyatukan semua politeknik, malah turut mencungkil bakat dan kemahiran pelajar ke peringkat pertandingan lebih tinggi.

FOTO: ROHANIS SHUKRI




*AIMAN ketika diumumkan Anugerah Tangan Emas.*




*NORAZAH (kiri), Aiman dan Ainul Mahfuzah bersama anugerah yang diterima pada majlis Anugerah PolySkills 2018.*